



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**6 JUN 2022**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 63 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 372,368 kes. Tiada kes kematian dilaporkan pada hari ini.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 63 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 365,613 orang. Manakala 183 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 182 orang di hospital dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah tujuh (7) orang merangkumi empat (4) di ICU/repurposed kritikal care serta tiga (3) di open ward (*HDW/kubikel akut*) dan empat (4) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Tuaran bertukar dari zon merah ke jingga manakala Sandakan berubah dari zon jingga ke merah

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Hijau satu (1) daerah
- Zon Kuning 19 daerah
- Zon Jingga tiga (3) daerah
- Zon Merah empat (4) daerah

**i. Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Setelah kes harian turun ke paras 45 kes kelmarin, jumlah jangkitan baharu melonjak tinggi kepada 63 kes hari ini, pertambahan 18 kes berbanding angka sebelumnya.
- b. Beberapa daerah mencatatkan pertambahan jumlah kes harian atau kekal tinggi. Antaranya ialah Kota Kinabalu 19 kes (+1), Penampang 17 kes (+3) dan Sandakan 10 kes (+10). Tidak ada jangkitan direkodkan di Sandakan kelmarin. Secara keseluruhan sembilan (9) daerah merekodkan pertambahan jumlah jangkitan baharu dan hanya empat (4) daerah mencatatkan penurunan kes.
- c. Sebanyak 16 daerah tidak merekodkan sebarang jangkitan baharu sepanjang 24 jam yang lalu manakala lapan (8) daerah pula mencatatkan jangkitan baharu satu (1) angka. Tiga (3) daerah mencatatkan kes baharu dua (2) angka, yakni Kota Kinabalu, Penampang dan Sandakan.
- d. Sebanyak 59 daripada 63 kes baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2, satu (1) kes dalam Kategori 4 dan tiga (3) kes dalam Kategori 5

**ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	12	19.05%
3	Bergejala	45	71.43%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	6	9.52%
<b>JUMLAH</b>		<b>63</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (5 Jun 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 5/06/2022	Catatan Kes 6/06/2022	Perbandingan
1	Sandakan	0	10	+10
2	Penampang	14	17	+3
3	Kota Belud	0	3	+3
4	Kota Kinabalu	18	19	+1
5	Tawau	1	2	+1
6	Kudat	1	2	+1
7	Papar	1	2	+1
8	Beluran	0	1	+1
3	Kuala Penyu	0	1	+1
10	Sipitang	4	4	Mendatar
11	Kunak	0	0	Mendatar
12	Telupid	0	0	Mendatar
13	Nabawan	0	0	Mendatar
14	Tongod	0	0	Mendatar
15	Kalabakan	0	0	Mendatar
16	Semporna	0	0	Mendatar
17	Tenom	0	0	Mendatar
18	Putatan	0	0	Mendatar
19	Pitas	0	0	Mendatar
20	Ranau	0	0	Mendatar
21	Lahad Datu	0	0	Mendatar
22	Beaufort	0	0	Mendatar
23	Kinabatangan	0	0	Mendatar
24	Tuaran	3	2	-1
25	Kota Marudu	1	0	-1
26	Keningau	1	0	-1
27	Tambunan	1	0	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>45</b>	<b>63</b>	<b>+18</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 980 unit.

- Hospital 952 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 18.67%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 6 JUN 2022

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	61
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	1
<b>Jumlah</b>	<b>63</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
WP Kuala Lumpur	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	60
Bukan Malaysia	3
<b>Jumlah</b>	<b>63</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	4
Belum Menerima Vaksin (5-11)	1
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	5
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	16
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	37
<b>Jumlah</b>	<b>63</b>

### iii. Umur

Umur (Tahun)	
<1	1
1-4	3
5 -11	3
12-17	6
18-29	18
30-39	16
40-49	6
50-59	7
60-69	2
70-79	0
80-89	1
>90	0
<b>Jumlah</b>	<b>63</b>

## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 5 Jun 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 574 orang. Daripada jumlah ini, seramai 195 orang adalah penduduk dewasa, 0 orang adalah penduduk remaja dan 379 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 5 Jun 2022 adalah seramai 2,605,470 orang. Ini meliputi 2,135,968 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.63% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,492,177 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,092,888 orang atau 77.04% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 336,516 orang atau 78.96% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 320,760 atau 75.26% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 132,986 atau 32.33% orang telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk kanak-kanak yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 78,529 atau 19.09% orang.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**